

# UMS, SC anjur Program Jerayawara Peluang Kerjaya dalam pasaran modal

UB 22.07.2023 P.02

**KOTA KINABALU:** Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan Pelajar (PKPKP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) mengadakan program Invested: Jerayawara & Forum Kerjaya di sini baru-baru ini.

Pengarah Pengawasan Pengantara dan Dana SC, Shamsul Bahriah Shamsudin berkata, program itu antara lain bertujuan memberi pengenalan dan berkongsi peluang pekerjaan dalam bidang pasaran modal.

"Selain itu, peserta berpeluang untuk terlibat dalam sesi forum yang melibatkan empat panel berpengalaman dalam pelaburan dan pasaran modal.

"Pada masa sama, ia juga



**MENARIK:** Sesi forum sedang berlangsung yang disertai kira-kira 300 peserta.

bagi memberi pendedahan tentang peluang menyertai program Invested yang akan

bermula penghujung Julai 2023," katanya pada majlis tersebut.

Hadir sama Timbalan Pengarah PKPKP UMS, Dr. Nur Thara Atikah Zainal.

Menurut Thara, seramai 300 peserta menghadiri program tersebut secara fizikal

dan dalam talian.

"Para peserta terdiri daripada pelajar tahun akhir UMS dari pelbagai bidang ijazah sarjana muda.

"Terima kasih saya ucapkan kepada semua yang terlibat di dalam menjayakan program yang julung kalinya diadakan di UMS ini."

"Semoga ia dapat memberi manfaat dari segi peningkatan ilmu mengenai industri dan pengetahuan mengenai peluang pekerjaan jangka masa panjang yang ditarwarkan melalui program Invested," katanya.

Turut hadir wakil daripada syarikat berkaitan pelaburan dan pasaran modal, Tehmina Kaoosji dan Tan Miang Kieng (Kenanga Investment Sdn. Bhd.); serta Lok Eng Hong (Maybank Investment Sdn. Bhd.).